

NO. SOALAN: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2017 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta PERDANA MENTERI menyatakan status kemajuan pembinaan terminal bas di pekan Nibong Tebal dalam Parlimen Nibong Tebal Daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang projek pembangunan adalah di bawah kuasa dan seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT).
2. Bagi mana-mana cadangan projek pembangunan yang khusus berkaitan dengan terminal pengangkutan awam, PBT akan menyalurkan cadangan pembangunan tersebut kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi mendapatkan ulasan terhadap *passenger and vehicular design* dan kemudahan lain menepati rekabentuk sejagat (*universal design*) bagi memenuhi keperluan penumpang dan pengguna semua peringkat umur dan keupayaan fizikal terutamanya untuk Orang Kurang Upaya (OKU), kanak-kanak dan warga emas.
3. Antara kriteria yang akan diperhalusi oleh SPAD termasuk rekabentuk aliran pergerakan penumpang, pergerakan kenderaan, ruang mengambil dan menurun penumpang, tempat penumpang menunggu dan penyediaan sistem tiket.
4. Untuk makluman, sehingga kini SPAD belum menerima sebarang pemakluman daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai berhubung permohonan berkaitan pembinaan terminal pengangkutan awam oleh mana-mana pemaju.

Sekian, terima kasih.